

 **kualiti terbaik**

Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.




 **kualiti yang diterima pasaran**

Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan rupa yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.





 **kualiti yang tidak dikehendaki pasaran**

Buah yang mengalami kecacatan dan rosak.

 Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan rupa yang teruk.



 Rosak disebabkan oleh haiwan perasak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



Siri Panduan **KUALITI** **JAMBU BATU**



JAMBU BATU (*Psidium guajava* Linn.) dari keluarga Myrtaceae adalah sejenis pokok berkayu keras yang berasal dari kawasan tropika di Amerika Selatan dan Tengah. Antara negara pengeluar utama di dunia termasuklah India, Brazil, Mexico, Afrika Selatan, Kepulauan Pasifik, Mesir, Amerika Syarikat, Thailand, Taiwan, dan Filipina. Di Malaysia, negeri utama di mana Jambu Batu ditanam secara komersial ialah di Perak, Johor, Selangor dan Pahang.

Terdapat beberapa varieti buah Jambu Batu besar yang disyorkan ditanam di Malaysia pada masa ini termasuklah GU 8 (Kampung), GU 9 (Klomp Toon Klao) dan GU 10 (Klomp Sali). Bagaimanapun, Jambu Batu tanpa biji Taiwan (seedless guava) semakin mendapat tempat di pasaran kerana lebih manis, rangup, bertekstur halus dan mudah disediakan.

kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.

Untuk mencapai tahap kualiti ini, Jambu Batu perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Jambu Batu biasanya mengambil masa 15-17 minggu selepas berputik untuk matang. Buah boleh dipetik apabila bahagian kulit buah dekat bahagian tangkai buah berwarna hijau kekuningan dan isi buah rangup dan manis. Bagi mengekalkan kualiti, buah jambu yang telah dibungkus boleh disimpan pada suhu rendah 5°C dimana ia boleh tahan untuk 2-3 minggu. Jambu Batu jenis tidak berbijil pula boleh tahan disimpan untuk 5 minggu pada suhu rendah (5-7°C).

indeks kematangan

Tahap kematangan Jambu Batu dibahagikan kepada tiga (3) indeks berikut :



Indeks 1
Buah muda. Kulit berwarna hijau sepenuhnya dan seluruh permukaan agak kasar. Isi buah keras.



Indeks 2
Buah matang. Kulit berwarna hijau keputihan, licin dan berkilat. Isi buah masih keras dan pejal, berbunyi padat apabila di jentik.



Indeks 3
Buah masak. Permukaan kulit berwarna kekuningan atau kuning kemerahan. Isi buah menjadi lembut dan mengeluarkan aroma yang agak kuat.

pengelasan gred

Jambu Batu dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelongsaran (Maksimum)
Premium	ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤3% Segar ≤5% Rosak ≤3% Kecacatan ≤3% Keseragaman saiz ≤5%
1	ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keseragaman saiz ≤10%
2	ia mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤10%

pengelasan saiz

Bagi Jambu Batu, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti jadual berikut :

Saiz	Kod	Berat Jambu Batu (g)	
		Berbiji	Tanpa Biji
Besar	L	> 450	> 300
Sedang	M	351 - 450	251 - 300
Kecil	S	250 - 350	200 - 250